

FPP BizNewz

January – May 2022

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

**Mengapa Pelaburan
Emas Menjadi Pilihan?**

Telur Mana Telur?

*you
are
what
matters*

**An Affair of Online
Learning and Covid-19**

**Pembasmian Kemiskinan Dalam RMK
Ke-12**

Bukit Harimau Menangis
Tarikan Pendakian di Kemaman



Publication Date
30 June 2022

Photo by Marek Levák on Unsplash

INSPIRAS

Yang Tidak Pernah Mati

Siri 1

Nik Fazlin Hiriyati Nik Jaafar

Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

MEREKA MEMANG BERBEZA

Ini adalah salah satu bingkisan yang ditulis oleh Aden Edcoustic, seorang figura dari tanah seberang yang sebenarnya telah pun dipanggil menghadap Illahi pada tahun 2013. Edcoustic merupakan sebuah kumpulan nasyid yang memperjuangkan konsep 'pop religi' yang pernah menjadi kontroversi di Indonesia kerana muzik yang dibawa dikatakan melawan arus.



Edcoustic: Aden (depan) bersama Eggie

Mereka tidak mengenakan peci (songkok/kopiah), berpakaian pula lebih kepada kasual malahan membawa bersama gitar saat tampil di pentas. Mereka juga sempat menjadi bahan bahas agamawan yang mungkin kurang senang dengan pembaharuan yang dibawa. Kumpulan nasyid senior yang lain turut tidak selesa. Edcoustic tidak mengetengahkan genre tipikal sebuah karya nasyid seperti kebiasaan yang kita dengar. Namun, lama kelamaan apabila semakin dikenali, mereka

semakin disukai dan ramai yang memuji kerana pembaharuan yang dibawa itu sebenarnya tetap satu dari cabang kebaikan yang banyak.

Terdapat juga satu lagu yang turut mengundang kontroversi apabila intipatinya berkisar tentang perasaan di antara lelaki dan perempuan yang belum halal ikatannya. Namun, jika diamati, kisah di sebalik lagu itu sebenarnya baik kerana pasangan tersebut tidak pun menjalinkan cinta kerana mereka masing-masing belum bersedia untuk menikah. Mereka menolak cinta sebelum nikah namun berjanji untuk saling menantikan



ti

"Bagiku hidup adalah berkarya. Sebab petualangan (perjuangan) perlu dicetak menjadi karya. Meski itu sedang menangis atau tertawa. Semua menjadi sebuah karya. Sesuatu yang bisa dimanfaatkan olehku dan oleh orang lain. Selagi Tuhan masih memberiku waktu, berarti selama itu pula aku akan terus berkarya. Dan jika aku mati nanti, biarkan karya-karya itu menjadi warisan berharga generasi selanjutnya."

jika berjodohan. Begitulah kisah yang dinukilkan dalam lagu "Nantikan Ku Di Batas Waktu". Edcoustic bermula pada tahun 2002 apabila menjuarai satu pertandingan nasyid kebangsaan dan diterima merakam sebuah album kompilasi secara bersama. Sebelum 2002, mereka sebenarnya sudah pun bermula kerana muzik merupakan minat dan passion mereka.

Selain genre muzik yang berbeza, Edcoustic juga membawa kelainan kerana mereka hanya dianggotai oleh dua pemain iaitu Aden selaku vokalis dan Eggie selaku gitaris. Mereka merupakan rakan akrab sekampung yang dilahirkan daripada keluarga yang sangat sederhana di Bandung, Indonesia. Aden merupakan pemegang ijazah di bidang pengurusan dakwah manakala Eggie merupakan seorang guru Matematik. Keduanya mempunyai impian besar sebagai ahli muzik yang berkarya dengan membawa mesej dakwah dan kebaikan. Sebelum merakam album, Aden terutamanya, sudah mempunyai ratusan nota dan lirik lagu yang disusun sendiri biarpun belum merakam lagu secara rasmi. Beliau banyak mengambil ibrah dari kehidupan sendiri mahupun pengalaman dari sekeliling dan menumpahkan semua itu dalam karya hebat beliau. Hampir 100% lagu Edcoustic adalah hasil kreatif daripada Aden sendiri. Mereka juga tidak pernah secara rasmi mengikuti mana-mana kelas muzik. Sesungguhnya bakat itu lahir secara semulajadi dan mengimpikan untuk ia disalurkan melalui jalan dakwah.

INSPIRASI DARI SEBUAH KEHIDUPAN

Antara keduanya, sosok Aden lebih menonjol kerana beliau merupakan seorang penyanyi-penulis lagu (singer-songwriter). Lahir dari keluarga yang sangat sederhana dan merupakan anak yatim apabila ayah beliau yang merupakan seorang tentera telah meninggal dunia seawal usianya dua (2) tahun. Kesulitan dan ketabahan dalam menjalani sebuah kehidupan menjadi tema utama karya-karya beliau. Dengan asuhan agama yang baik dari sang ibu yang merupakan seorang tukang jahit, beliau juga dalam masa yang sama sangat bersyukur dengan ujian yang dilalui yang telah menjadikan beliau seorang yang kuat dan redha dalam menjalani kehidupan.

Aden juga gemar menulis di blog. Bermula pada 2008 sehinggalah catatan terakhir pada Oktober 2013, iaitu dua (2) bulan sebelum kematiannya. Menurut Aden, blog itu adalah platform peribadi dalam menyatakan pendapat dan meluahkan rasa. Semuanya secara bersahaja dan tulus dari kisah nyata kehidupan beliau sendiri. Banyak peristiwa yang membawa pelbagai perasaan, sedih, lelah, teruji dan tidak kurang juga yang lucu. Seronok untuk dibaca kerana ianya adalah cerita seorang marhaen. Bagaimana usaha keras dan kebergantungan kepada Allah banyak menuntut sebuah kehidupan. Bagaimana beliau mempunyai aturan masa depan yang diimpikan terutamanya soal muzik dan dakwah. Apa yang menjadi

inspirasi ialah cara beliau melihat kehidupan dan bagaimana mendepani suka duka dan baik buruk sesuatu yang telah Allah takdirkan.

Kisah hidup yang perih banyak didapati dalam karya beliau. Begitu juga tingginya rasa syukur dan pengharapan terhadap Illahi, ia jelas disetiap bait kata dan nada yang didendangkan. Karya Edcoustic sememangnya mempunyai elemen yang begitu berinspirasi, penuh nilai rohani dan muhasabah diri. Ada 'sesuatu' dalam lagu mereka. Sesiapa sahaja yang mendengar pasti akan beroleh sesuatu walau sedikit kerana Edcoustic menerusi karya mereka membawakan tema "Edcoustic: Inspiring People" Aden juga banyak mencipta lagu untuk rakan seangkatan yang lain. Walaupun mereka masih muda namun karya Edcoustic sangat matang dan real.

Antara pencapaian terbesar mereka ialah apabila lagu ciptaan Aden diangkat menjadi original soundtrack (OST) bagi filem "Ketika Cinta Bertasbih". Dan judul lagu itu juga sama iaitu "Ketika Cinta Bertasbih". Lagu itu digubah bersama Melly Goeslow, satu nama yang cukup besar dalam industri muzik. Mereka juga diberi penghormatan sebagai penyanyi pembuka bagi konsert jelajah Maher Zain di Indonesia. Walaupun hanya bermula sebagai pemuzik nasyid di jalur indie dengan promosi yang sangat terbatas, album mereka yang ketika itu dijual dalam bentuk kaset tetap terjual puluhan ribu unit di Indonesia.


Karya mereka menjadi sangat berinspirasi kerana ia membawa pendengar meniti pelbagai warna dan jalur kehidupan manusia. Lebih murni apabila ianya disandarkan kepada yang Maha Kuasa. Di situlah

terlahirnya banyak kekuatan dan keredhaan yang tidak mudah untuk diperolehi. Terasa seperti diri dipujuk dan dikuatkan untuk terus bersemangat menghadapi semuanya demi menuju negeri abadi. Edcoustic seolah-olah berkata; "Enggak usah sedih atau galau, ngak apa-apa, hidup ini emang satu petualang (perjuangan) panjang menuju sang Khalik. Yuk semangat terus, kita pasti akan menang".

Antara kisah hidup yang ditemakan dalam lagu mereka adalah seperti apresiasi seorang suami (Kau Ditakdirkan Untuk Ku, Duhai Pendampingku), kisah persahabatan kerana Illahi (Sebiru Hari Ini, Pertenggaran Kecil, Cinta Berkawan, Sepotong Episode), munajat ketika sakit (Muhasabah Cinta), redha di atas sebuah ujian (Tegar, Tak Ada Beban Tanpa Pundak, Di Persimpangan Aku Berdiri, Jalan Masih Panjang), rindu sang ayah (Even In My Dream), apresiasi seorang hamba kepada sang Khalik (7 Syurga, Aku Ingin Mencintai Mu Setulusnya), apresiasi sebuah alam (Sepanjang Perjalanan, Dzikir Pagi), rintihan berat sebuah dosa (Berubah, Sendiri Menyepi), kisah anak muda (Masa Muda, Menjadi Diriku) serta banyak lagi.

YANG TERAKHIR DI MALAYSIA

Pada Jun atau Julai 2013, Edcoustic sempat hadir ke Malaysia dan promo tour mereka diuruskan oleh Inteam Record. Edcoustic dan Inteam juga sempat berkolaborasi dalam satu lagu iaitu "Kau Ditakdirkan Untuk Ku" dan Aden juga ada menyumbang sebuah lagu lain untuk Inteam di mana ia menjadi di antara sentuhan terakhir beliau. Kehadiran beliau ke Malaysia ketika itu juga merupakan kali yang terakhir kerana lebih kurang lima (5) bulan selepas itu beliau dipanggil Allah selamanya.





BizNewz 2022
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com